

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Bayi 4 bulan cetus Kluster Taman Midah

**Kes sudah
jangkiti
12 individu
selepas 38
kena saring**

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang bayi lelaki berusia empat bulan dikesan mencetuskan kluster baharu dikenali sebagai Kluster Taman Midah dan menjangkiti 12 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata kluster berkenaan membabitkan kakitangan dan pelajar di sebuah pusat pendidikan di Taman Midah, Cheras.

"Kes indeks bagi kluster ini adalah kes ke-642,699 iaitu bayi lelaki warganegara Malaysia berusia empat bulan.

"Dia mula bergejala pada 11 Jun

lalu dan dilaporkan positif COVID-19 pada hari yang sama," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Berikutan itu, katanya, KKM membuat saringan ke atas 38 individu yang juga kontak rapat dan daripada jumlah berkenaan, seramai 12 individu disahkan dijangkiti COVID-19.

Sementara itu, perangkaan jangkitan kes COVID-19 di negara ini belum banyak berubah apabila 5,738 kes baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 678,764 kes.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal menjadi negeri tertinggi dengan kes COVID-19, iaitu 1,858 kes diikuti Negeri Sembilan (1,086), Kuala Lumpur (641), Sarawak (559) dan Johor (449).

"Hanya Perlis tidak mencatat pertambahan kes.

"Jumlah baharu itu menjadi-



Petugas Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu menguruskan pendaftaran saringan COVID-19 penduduk di sekitar mukim Serada di Masjid Kampung Beladau Selat, kelmarin. (Foto BERNAMA)

kan jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan COVID-19 di negara ini sebanyak 66,097 kes.

"Daripada jumlah berkenaan 909 kes masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 441 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.



Dr Noor Hisham

Mengenai 60 kes kematian yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 58 kes membabitkan warganegara, manakala dua lagi warga asing berusia 31 dan 91 tahun.

Katanya, kes kematian membabitkan 20 kes di Selangor, Negeri Sembilan (10), Johor (9), manakala Labuan dan Sabah dengan masing-masing empat kes di Sabah dan Labuan, manakala tiga kes di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, dua kes kematian dilaporkan masing-masing di

Sarawak, Melaka dan Kedah manakala Kelantan, Perak, Terengganu serta Pulau Pinang merekodkan satu kematian di setiap negeri.

Pertambahan itu, katanya, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di negara ini kepada 4,202 kes atau 0.62 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, 25 kluster baharu dikesan dengan 20 daripadanya membabitkan kluster di tempat kerja, empat dalam kalangan komuniti serta satu di institusi pendidikan.

Kluster tempat kerja dikenali sebagai Kluster Industri Jalan Balakong Impian, Kluster Jalan Utarid U5, Kluster Industri Solok Waja Dua, Kluster Industri Batu Empat Sungai Pelek dan Kluster Industri Kilometer 15.

Turut dikesan ialah Kluster Industri Jalan KB 15, Kluster Jalan Ho Koon Suan, Kluster Jalan Masyhur Empat, Kluster Jalan Seri

Alam dan Kluster Jalan Teluk Seangat.

"Selain itu, Kluster Jalan Perindustrian Enam, Kluster Jalan Pamol, Kluster Dah Industri Desa, Kluster Dah Industri Bakar; Kluster Dah Industri Hitam.

"Kluster tempat kerja turut membabitkan Kluster Dah Segar Indah, Kluster Lorong Industri Tujuh, Kluster Tapak Bina Jalan Gelugor, Kluster Sawai Niah dan Kluster Pondok Batu Lapan," katanya.

Dr Noor Hisham, kluster dalam komuniti membabitkan Kluster Jalan Kidurong Empat, Kluster Tanjung Ketom, Kluster Bari dan Kluster Bukit Godek manakala kluster institusi pendidikan ialah Kluster Taman Midah.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, beliau berkata, sebanyak 7,530 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih di negara ini kepada 608,465 kes.

Terkini COVID-19 7,530 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam **5,738** Kes baharu disahkan, semalam **4,202** Jumlah kematian dicatat **678,764** jumlah kes disahkan positif **66,097** kes yang masih dirawat

Kadar Rt seluruh negara turun

Kuala Lumpur: Kadar kebolehhajangan atau 'R-naught' (Rt) COVID-19 mengikut kes harian bagi seluruh negara turun kepada 0.93 setakat kelmarin, berbanding 0.94 pada hari sebelumnya.

Menerusi data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di akaun Facebook beliau malam kelmarin, Kelantan merekodkan nilai Rt terendah, iaitu 0.76.

Negeri lain yang mencatatkan Rt di bawah nilai 1.0 adalah Kuala Lumpur (0.97), Johor dan Selangor (0.95), Putrajaya (0.91), Melaka (0.90), Kedah (0.87), Perak (0.84), Perlis (0.83), Pulau Pinang (0.82), Pahang (0.79) dan Terengganu (0.76).

Sarawak mencatatkan Rt 1.00, manakala Negeri Sembilan dengan Rt melebihi 1.0, iaitu 1.03, diikuti Labuan dan Sabah dengan Rt kedua tertinggi, ma-



Kerajaan terus meningkatkan kapasiti program vaksinasi agar negara mencapai imuniti kelompok mengikut jadual. (Foto hiasan)

sing-masing pada 1.02.

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehhajangan kes COVID-19, iaitu berapa ramai boleh dijangkiti satu kes positif.

Sementara itu, sehingga semalam, jangkitan COVID-19 di Malaysia meningkat kepada 678,764 kes keseluruhan dengan pertambahan 5,738 jangkitan baharu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

7,530 pulih, 5,738 positif baharu

Kuala Lumpur: Penularan Covid-19 dalam negara semalam merekodkan 5,738 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes penularan wabak itu meningkat kepada 678,764 kes dengan kes aktif 66,097.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu sebanyak 5,735 kes penularan tempatan manakala tiga kes import yang membabitkan bukan warganegara.

"Selangor kekal mencatat bilangan jangkitan baharu yang tertinggi dengan 1,858 kes diikuti Negeri Sembilan (1,086 kes) dan Kuala Lumpur (641 kes).

"Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) turut merekodkan 7,530 kes pulih menjadikan kumulatif kes sembuh di negara ini meningkat kepada 608,465 kes," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, terdapat 60 kes kematian yang dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif setakat ini 4,202 kes iaitu 0.62 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian itu membabitkan 58 warganegara dan dua bukan warganegara yang berusia antara 31 hingga 91 tahun.

"Se-

langor merekodkan 20 kes kematian manakala Negeri Sembilan (10), Johor (9), masing-masing empat kes di Sabah dan Labuan.

"Kuala Lumpur pula melaporkan tiga kes kematian, masing-masing dua kes di Sarawak, Melaka dan Kedah serta masing-masing satu kes di Kelantan, Perak, Terengganu dan Pulau Pinang," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, seramai 909 pesakit Covid-19 dirawat di

Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 441

pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

60 kes
kematian
dilaporkan
semalam

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Pertambahan kluster Covid-19 bawa musibah kepada komuniti

Kuala Lumpur: Kewujudan pelbagai kluster Covid-19 belum menunjukkan trend penurunan di negara ini, malah masih berlaku pertambahan kluster pada setiap hari.

Penularan pandemik berkenaan jika tidak dikawal secara berkesan dengan pertambahan kluster bakal membawa musibah lebih besar dalam komuniti.

Ini kerana jika wabak ini sudah 'terlepas' ke dalam komuniti sudah pasti kawalan jangkitan akan menjadi lebih rumit khususnya kepada petugas barisan hadapan.

Untuk rekod, sebanyak 2,532 kluster sudah dicatat-

kan di Malaysia sehingga Selasa lalu dengan tidak kurang 15 kluster direkodkan dalam tempoh seminggu yang lalu.

Menerusi data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kluster Teratai yang dikesan dalam kalangan kakitangan di kilang sarung tangan menjadi kluster terbesar negara, setakat ini.

Dengan jumlah jangkitan seramai 7,205 orang, sudah pasti bencana besar boleh berlaku jika KKM lewat mengambil tindakan menanganinya dengan sewajarnya.

Malah, lebih ditakuti kluster yang terdiri di kalangan warga asing itu sudah mula

menyusup masuk ke dalam komuniti menyebabkan proses pengesanan kontak rapat semakin mencabar.

KKM juga melaporkan, Kluster Tabligh yang dikesan pada gelombang pertama Covid-19 tahun lalu merekodkan jumlah kematian tertinggi.

Perhimpunan jemaah tabligh di sebuah masjid di Bukit Jalil itu merekodkan sebanyak 34 kematian daripada pelbagai latar belakang dan peringkat usia.

Malah, tempoh pengesanan kontak ra-

pat bagi kluster ini juga mencabar kerana jumlah peserta perhimpunan yang ramai dari pelbagai negara.

Siasatan lanjut KKM juga mengesyaki penjujukan genom terhadap sampel diambil daripada kalangan pesakit Covid-19 daripada kluster itu berpunca dari jemaah Indonesia.

Keengganan segelintir peserta perhimpunan itu

melakukan ujian cecair membuat ujian cecair menambal lagi beban KKM untuk mengawal kluster berkenaan da-

ripada merebak.

Dalam pada itu, kluster kedua tertinggi yang merekodkan kematian adalah Kluster Pasai di Sarawak dengan 25 kes.

Kluster Pasai menyebabkan ramai penduduk di beberapa rumah panjang di Bahagian Sibul dijangkiti selepas seorang wanita pulang dari Johor ke daerah itu untuk menghadiri pengebumian bapanya.

Kluster Dah Mahsuri menyebabkan 10 kematian yang terdiri daripada jemaah sebuah masjid di Taman Mahsuri, Jitra, Kedah setakat ini.

Kini, cabaran menjadi se-

makin besar apabila kes sporadik dikesan dalam komuniti yang tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana kes atau kluster sedia ada.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham sebelum ini dilaporkan berkata, negara kini berdepan trend peningkatan mendadak kes baharu dan kes kematian Covid-19 terutama sejak 1 April lalu.

Menurut Dr Noor Hisham, kebanyakan kes baharu dan kematian adalah kes sporadik dan tidak dapat dikaitkan dengan kes atau kluster sedia ada.

Setakat ini,
Kluster Teratai
menjadi kluster
terbesar di Malaysia

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

Memang lucu tapi serius

Pakar ulas dakwaan Covid-19 boleh merebak melalui kentut

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Covid-19 berjangkit melalui kentut? Bolehnya lucu namun ia menjadi topik hangat khususnya di luar negara, baru-baru ini.

Mengulas mengenainya, Pakar Perunding Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur (HKL) Datuk Dr Alzamani Mohammad Idrose berkata, keadaan itu logik kerana virus Covid-19 memang ditemui dalam najis.

Beliau berkata, ia menyebabkan gas yang keluar daripada kentut juga berisiko mengandungi virus maut berkenaan.

Katanya, virus sama juga merebak melalui gas pernafasan yang keluar dari paru-paru pesakit yang positif Covid-19.

"Namun, sebenarnya risiko jangkitan merebak daripada kentut adalah amat rendah kerana terdapat lapisan perlindungan berupa seluar dalam dan seluar yang dipakai. Saya menerima pertanyaan bagi isu yang kedengaran agak lucu, tetapi ini membabitkan persoalan yang serius.

"Kesimpulannya, pengalaman prosedur operasi standard (SOP) adalah langkah terbaik untuk mencegah jangkitan kerana sentiasa ada tapisan di dalam pernafasan," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau mengulas kenyataan pakar Pusat Kawalan Penyakit di Beijing yang memberikan pandangan bahawa risiko teramat rendah melainkan kentut dihidu dari jarak dekat daripada seseorang yang tidak memakai seluar.

Selain itu, pendedahan seorang doktor dari Australia mengenai virus yang tersebar melalui kentut mengejutkan banyak pihak.

Malah, beberapa doktor sebelum ini memberi amaran bahawa kentut mempunyai zarah kotoran kecil yang boleh menyebarkan bakteria dan menjadi punca jangkitan.

Dr Alzamani berkata, kesimpulan, ia sebab mengapa semua orang perlu memakai pelitup muka dengan sempurna.

"Nasihat saya, patuhilah SOP, pakai pelitup muka dan elakkan berada di kawasan ramai orang.

"Jika kita lihat kepada trend terbaru, Covid-19 turut menjangkiti orang muda, jadi kita kena lebih berjaga-jaga," katanya.

Lepasi sasaran 200k dos sehari

Kuala Lumpur: Jumlah vaksinasi harian bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan menunjukkan trend positif apabila terus melepasi sasaran 200,000 dos sehari dengan 204,839 lagi dos diberikan kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi perkongsian di Twitter berkata, daripada jumlah pemberian vaksin kelmarin, seramai 196,775 individu menerima dos pertama manakala 8,064 individu menerima dos kedua.

Berdasarkan perkemba-

ngan ini, seramai 1,476,753 individu sudah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19 dan seramai 3,632,195 individu menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua di negara ini adalah sebanyak 5,108,948.

Lima negeri yang mencatatkan penerima kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 188,497 diikuti Sarawak (169,172); Johor (143,268); Perak (139,623) dan Kuala Lumpur (132,417).

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Turun dalam tempoh 10 hari, 20 lagi kluster tempat kerja direkodkan **Kes aktif semakin berkurang**

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 dilaporkan semakin berkurang dalam tempoh 10 hari selepas kali pertama melebihi 80,000 ialah pada 1 Jun lalu.

Kes aktif tertinggi dicatatkan pada 6 Jun lalu sebanyak 86,628 kes sebelum merekodkan penurunan bermula 7 Jun dengan 84,269 kes sehinggalah kelmarin berjaya mencatatkan angka bawah 70,000 iaitu sebanyak 67,949 kes dan semalam sebanyak 66,097.

Sebanyak 5,738 kes harian negara direkodkan, manakala kes sembuh kekal melebihi kes baharu iaitu sebanyak 7,530 kes.

Negeri Sembilan menjadi penyumbang kedua tertinggi mengikut pecahan negeri apabila merekodkan 1,086 kes berbanding kelmarin yang mencatatkan sebanyak 607 kes.

Terdapat 60 kes kematian direkodkan termasuk dua warga asing membabitkan individu berusia antara 29 hingga 91 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat 25 kluster baharu dikenal pasti membabitkan 20 kluster tempat kerja, empat kluster komuniti dan satu



SEORANG wanita warga emas, Kee Kim Tian, 91, yang berkerusi roda selesa berpakaian batik semasa mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Nerus semalam. – PUOTRA HAIRRY

kluster pendidikan lain.

"Kluster tersebut ialah Kluster Industri Jalan Balakong Impian (9 kes), Kluster Industri Jalan Utarid U5 (73), Kluster Industri Solok Waja Dua (32), Kluster Industri Batu Empat Sungai Pelek (21) dan Kluster Industri Kilometer 15 (35).

"Selain itu, Kluster Industri Jalan KB 15 (24), Kluster Jalan

Ho Koon Suan (11), Kluster Jalan Masyhur Empat (20), Kluster Jalan Seri Alam (9), Kluster Jalan Teluk Sengat (12) dan Kluster Jalan Perindustrian Enam (53)," katanya semalam.

Ujarnya, selebihnya ialah Kluster Jalan Páamol (14), Kluster Dah Industri Desa (13), Kluster Dah Industri Bakar (33), Kluster Dah Segar Indah (20), Kluster

Lorong Industri Tujuh (21) dan Kluster Tapak Bina Jalan Gelugor (28).

Tambah Dr. Noor Hisham, kluster lain ialah Kluster Sawai Niah (32), Kluster Pondok Batu Lapan (58), Kluster Jalan Kidurong Empat (18), Kluster Tanjung Ketom (43), Kluster Bari (47), Kluster Bukit Godek (30) dan Kluster Taman Midah (12).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Negeri Sembilan 'kejar' Selangor

Kes baharu di Negeri Sembilan dan Selangor melebihi angka 1,000

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Negeri Sembilan menjadi negeri baharu melaporkan kes positif Covid-19 melebihi 1,000 selain Selangor. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Negeri Sembilan mencatatkan 1,086 kes, manakala Selangor kekal negeri tertinggi merekodkan kes harian iaitu

1,858 kes.

"Kuala Lumpur (641), Sarawak (559), Johor (449), Sabah (248), Kedah (197), Melaka (184), Kelantan (154).

"Labuan (97), Pulau Pinang (97), Terengganu (77), Pahang (54), Perak (30) dan Putrajaya (tujuh)," kata Dr Noor Hisham dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau memaklumkan bahawa tiada kes baharu di Perlis.

"Kes positif Covid-19 di seluruh negara hari ini sebanyak 5,738 dengan jumlah kumulatifnya 678,764 kes," katanya.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Jelasnya, jumlah kes aktif ialah 66,079 dengan 909 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Seramai 441 pesakit pula memerlukan sokongan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, terdapat 60 kes kematian berkaitan Covid-19 membabitkan 58 rakyat tempatan dan dua warga asing.

"Sebanyak 60 kes kematian pada hari ini (Khamis) melibatkan 20 kes di Selangor, Negeri Sembilan (10), Johor (sembilan), Sabah (empat), Labuan (empat), Kuala Lumpur (tiga),

Sarawak (dua), Melaka (dua), Kelantan (satu), Perak (satu), Terengganu (satu) dan Pulau Pinang (satu)," katanya.


Dr Noor Hisham berkata, usia kes kematian antara 31 hingga 90 tahun serta rata-rata mempunyai penyakit lain.

Beliau berkata, sebanyak 7,530 kes sembuh direkodkan sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya 608,465 kes.

Sementara itu, terdapat 25 kluster baharu dikenal pasti dengan 20 daripadanya ialah kluster tempat kerja.


Jumlah keseluruhan kluster ialah 2,557 dan sebanyak 1,762 diisytiharkan tamat, manakala 795 aktif serta merekodkan pertambahan kes.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
678,764	608,465	909	4,202	+5,738	5,108,948



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Keberkesanan Ivermectin rawat Covid-19 belum boleh dipastikan

Perlu ujian skala besar

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Keberkesanan ubat Ivermectin dalam merawat pesakit Covid-19 masih belum dapat dipastikan berikutan terdapat sekumpulan pengkaji mendakwa ia mampu menghentikan proses replikasi SARS-CoV-2 dalam badan manusia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba menjelaskan, kajian yang dilakukan berskala kecil dan keberkesannya masih di peringkat kajian berskala besar untuk melihat ubat anti parasit itu yang digunakan bagi perubahan haiwan dalam merawat kes jangkitan cacing mampu merawat Covid-19.

Katanya, laporan perubahan antarabangsa, *Lancet* mencadangkan agar satu kajian berskala lebih besar untuk memahami tahap keberkesanan Ivermectin merawat pesakit Covid-19.

"Badan penguatkuasaan dunia, Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat (FDA), Amerika Syarikat dan Agensi Perubatan Eropah (EMA) berpendapat penggunaan Ivermectin sebagai rawatan Covid-19 belum dibolehkan kerana data yang masih terhad.

"Malah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan setakat ini Ivermectin



PETUGAS kesihatan Ramsay Sime Darby Hospital memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang lelaki di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk Orang Kurang Upaya (OKU) secara pandu lalu di Menara Sime Darby Plantation, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

hanya boleh digunakan bagi tujuan fasa percubaan klinikal," katanya di sini semalam.

Dr. Adham berkata, Kementerian Kesihatan telah memulakan kajian klinikal berkenaan tahap keselamatan serta keberkesanan Ivermectin ke atas pesakit Covid-19 bermula 1 Mei lalu sehingga 30 September ini dengan penglibatan 12 hospital

di bawah kementerian itu.

Jelas beliau, kajian itu melibatkan seramai 500 pesakit yang dimasukkan ke hospital yang terdiri daripada kategori 2 dan 3, berusia 50 tahun ke atas dan mempunyai sekurang-kurangnya satu komorbiditi.

"Objektif utama kajian ini adalah mengkaji keberkesanan ubat Ivermectin dalam menge-

lakkan *disease progression* dalam kalangan pesakit tahap *mild-to-moderate* (ringan kepada sederhana) atau *moderate-to-severe* (sederhana kepada teruk).

"Ini termasuk bagi pesakit Covid-19 yang akan memerlukan penjagaan kritikal, bantuan pernafasan (oksigen) dan/atau bantuan alat pernafasan (ventilator)," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

Spike in new infections in Negri Sembilan

KUALA LUMPUR: Malaysia registered more than 5,000 Covid-19 cases for the third consecutive day, with 5,738 new infections reported yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said while Selangor continued to account for the highest number of new infections, Negri Sembilan saw a spike with a record 1,086 cases.

This, he said, was almost a two-fold increase from 607 infections that the state had logged on Wednesday, and 396 the day before.

“Selangor reported 1,858 cases, followed by Negri Sembilan, Kuala Lumpur (641), Sarawak (559), Johor (449), Sabah (248), Kedah (197), Melaka (184), Kelantan (154), Labuan (97), Penang

(97), Terengganu (77), Pahang (54), Perak (30) and Putrajaya (seven). Perlis registered no new cases,” he said in a statement yesterday.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Dr Noor Hisham had earlier said the Covid-19 infectivity rate (Rt) according to daily cases nationwide had dropped to 0.93 up to Wednesday, with Negri Sembilan recording the highest value at 1.03.

This, he said, was followed by Labuan and Sabah (1.02), Sarawak (1.00), Kuala Lumpur (0.97), Johor (0.95) and Selangor (0.95), while Kelantan had the lowest Rt at 0.75.

The Rt value refers to the number of infections stemming from one positive case.

Dr Noor Hisham further said the new cases reported yesterday brought the cumulative cases in

the country to 678,764, with 66,097 being active cases.

“Of the 5,738 cases yesterday, 5,735 were local transmissions (78.8 per cent Malaysians and 21.2 per cent foreigners), while the remaining three were imported cases (all foreigners).”

Malaysia had on June 15 logged 5,419 cases, followed by 5,150 on June 16.

The country’s active cases, meanwhile, had been on a steady downward trend since June 6, when the ministry reported 86,628 active cases. Cases went down to 79,848 on June 10, and reached the 60,000 mark at 66,097 yesterday.

Dr Noor Hisham also said the number of recoveries continued to exceed daily new cases at 7,530, bringing the cumulative recoveries to 608,465.

Patients requiring critical care also saw a decline with 909 admitted to the intensive care unit, with 441 on ventilator support.

At the same time, 60 more fatalities were recorded up to noon

yesterday, bringing the death toll to 4,202.

“The victims, aged between 29 and 91, were from Selangor (20 deaths), Negri Sembilan (10), Johor (nine), Sabah (four), Labuan (four), Kuala Lumpur (three), Sarawak (two), Melaka (two), Kedah (two), Kelantan (one), Perak (one), Terengganu (one) and Penang (one),” Dr Noor Hisham said.

On clusters, he said 25 new ones were reported yesterday, involving 20 workplace clusters, four community clusters and an educational institute cluster.

“The workplace clusters were in Selangor (six), Johor (six), Kedah (four), Penang (two), Sarawak (one) and Negri Sembilan (one).”

“The four community clusters were reported in Sarawak, Terengganu, Negri Sembilan and Melaka, while the education cluster was identified in Kuala Lumpur.”

He added that to date, Malaysia had a total of 2,557 clusters — 795 active clusters and 1,762 that have ended.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Daily tally continues to surpass jab target

KUALA LUMPUR: The daily vaccination tally of the National Covid-19 Immunisation Programme showed a positive trend as it continued to surpass the target of 200,000 doses per day, with another 204,839 doses administered on Wednesday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba in his tweet said 196,775 individuals received their first dose, while 8,064 others, the second dose.

He said a total of 1,476,753 individuals had completed both doses of the vaccine and 3,632,195 individuals had received the first dose, bringing the number of doses administered in the country so far to 5,108,948.

Five states with the highest number of fully vaccinated individuals are Selangor with 188,497 doses, followed by Sarawak (169,172); Johor (143,268); Perak (139,623) and Kuala Lumpur (132,417).

A total of 215,876 doses of the Covid-19 vaccine was dispensed on Tuesday, surpassing the 200,000 daily target set by the government under the immunisation programme.

Meanwhile, according to the daily report on the cumulative number of vaccine registrations at www.vaksincovid.gov.my, a total of 14,637,437 individuals have registered for the vaccination, as of yesterday. — Bernama

5,738 new cases with a spike in Negri

PUTRAJAYA: Covid-19 cases in Malaysia remained above the 5,000 mark, with Negri Sembilan recording a surge in infections.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country reported 5,738 new cases yesterday – a slight increase from 5,150 the day before.

Selangor continued to record the most number of new cases out of all states with 1,858 infections.

Negri Sembilan, however, saw its cases shot up to 1,086 yesterday.

About 40% or 444 of Negri Sembilan's cases were detected from contact tracing activities.

Another 36% or 392 are linked to clusters, while 250 are unlinked (sporadic) cases.

Recoveries continued to outnumber the number of cases, with 7,350 more patients discharged from treatment yesterday.

As a result, active cases also continued to drop, with the latest figure numbering at 66,097.

Another 60 people died from Covid-19, taking Malaysia's death toll to 4,202.

Fifty-eight of the deceased are Malaysian citizens and two are foreign nationals.